

28 OCT 1997

JANGAN CAMPUR TANGAN DENGAN KADAR FAEDAH, KATA TOKOH AKADEMIK AS

LANGKAWI, 28 Okt (Bernama) -- Jeffrey Sachs, seorang tokoh akademik dan ekonomi Amerika Syarikat (AS) menyatakan kadar faedah -- sebagai kos pinjaman bagi bank-bank atau syarikat -- akan meningkat secara semulajadi hasil daripada penarikan semula modal asing jangka pendek.

Bagaimanapun, beliau menganggap sebarang peningkatan mengatasi paras pasaran biasa sebagai "melampau" dan "tidak asli" di mana jika dilaksanakan hanya akan memburukkan lagi keadaan ekonomi yang diakibatkan oleh kegawatan pasaran kewangan.

Keterangan Sachs bagi pergolakan mata wang secara kebetulannya mempunyai persamaan dengan keputusan Malaysia yang dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Edinburgh, kerajaan tidak akan menaikkan kadar faedah meskipun berdepan dengan kelemahan mata wang.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menghadiri satu persidangan antarabangsa di sini. Persidangan itu bertajuk "kesan globalisasi dan penswastaan terhadap Malaysia dan Asia menjelang tahun 2020".

Dr Mahathir menyatakan kadar faedah yang tinggi akan menarik kembali modal asing ke dalam ekonomi negara, tetapi beliau bimbang wang yang masuk itu tidak akan bertahan lama.

Berbanding dengan kebanyakan nilai mata wang negara-negara Asia lain yang merosot dengan ketara, Malaysia mengambil pendekatan sendirian untuk tidak menaikkan kadar faedah.

Kedua-dua Hong Kong dan Singapura menaikkan kadar faedah mereka dengan segera pada petanda pertama bagi sebarang kelemahan mata wang mereka.

Thailand, Indonesia dan Filipina telah menaikkan kadar faedah mereka sejak beberapa bulan lalu. Pada paras digit berganda, kadar mereka dibandingkan dengan 8.58 peratus bagi Malaysia pada kadar tawaran antara bank sebulan, semalam.

Sachs, pengarah Institut Pembangunan Antarabangsa Universiti Harvard berkata aliran dana asing sejak beberapa tahun ini telah meningkatkan volum dana yang disediakan bagi pinjaman. Akibatnya ia telah merendahkan kos pinjaman Malaysia.

Ketika pengambilan semula modal, syarat-syarat dirizab, mudah tunai diketatkan dan Sachs berkata kadar faedah cenderung untuk meningkat, Negara akan berada pada tahap pertumbuhan ekonomi perlahan apabila kos pinjaman meningkat dan ia mula menjejaskan syarikat.

Dalam keadaan ekonomi yang rapuh, beliau berkata pengetatan kredit oleh bank pusat akan membawa ekonomi kepada kemelesetan.

Apabila ditanya mengenai pandangannya terhadap ekonomi Malaysia, Sachs berkata: "Ekonomi anda mempunyai kekuatan jangka panjang, Pertumbuhan ekonomi yang pesat akan berulang kembali.

"Pelabur-pelabur asing telah mengeluarkan dana secara besar-besaran dalam beberapa minggu ini. Ia membawa kepada keperlantikan jangka pendek (pertumbuhan ekonomi) yang jika tidak diurus dengan baik akan menyebabkan masalah jangka panjang."

Di bawah syarat-syarat seumpama itu, defisit akaun semasa akan mengecil, sektor hartanah memasuki era kelembapan, sejumlah besar bank kemungkinan akan berdepan dengan kesukaran kerana kunci kira-kira mereka akan terjejas.

Krisis yang sama yang di hadapi oleh negara-negara Asia Tenggara lain mungkin lebih teruk tetapi beliau memberi amaran Malaysia tidak akan

terkecuali daripada mereka kerana prestasi negara-negara itu akan mempengaruhi pendapat dan keyakinan pelabur terhadap rantau ini secara keseluruhannya.

Malaysia bersama negara-negara lain di rantau ini sepatut berganding bahu dan bersatu padu bagi mengurangkan "keperitan" dan mengembalikan semula keyakinan pelabur serta pertumbuhan tinggi yang dinikmati sebelum ini.

Malaysia, tambahnya, harus meningkatkan pendedahan maklumat dan mengetatkan penyeliaan terhadap bank-bank agar pinjaman dana asing tidak digunakan bagi tujuan-tujuan spekulatif tinggi. Tetapi katanya bank-bank asing sepatutnya diberikan peluang yang lebih untuk menyertai pasaran dalam negeri. -- BERNAMA

NH ZK